

APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 11/2023

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

October 2022 - February 2023



ATLET DAN KERJAYA “SEMENTARA”

Ditulis Oleh: Razif Sazali, Nur Hakimah Sallehuddin dan Fatin Aliyah Hassan

Lipat-lipat ulam pegaga,
Pucuk ara simpul pulih,
Lebih mimpat mana ke ada,
Sementara masih ada tentu boleh.

Pantun berkenaan sesuai bagi mengungkapkan kehidupan sebagai seorang atlet apabila dikaitkan dengan kerjaya sebagai seorang ahli sukan yang bersifat sementara. Ini adalah kerana menurut kajian yang dijalankan oleh Torregrosa et al. (2015), seorang atlet professional telah memulakan latihan intensif sejak bermula daripada umur 5 tahun dan kemudiannya bersara apabila mencecah umur 30 tahun. Namun, bagi seseorang atlet profesional, persoalan mula timbul mengenai kerjaya yang atlet akan ceburi selepas beliau mengambil keputusan untuk bersara.

Secara lazimnya, di Malaysia, orang awam sering menyangka bahawa apabila

seseorang atlet tersebut bersara, kerjaya atlet tersebut hanya akan terhad dengan menjadi seorang jurulatih sukan. Namun, sangkaan tersebut ternyata salah kerana kini kerjaya sebagai seorang atlet yang telah bersara adalah lebih luas kerana pengalaman sukan dan sumbangan yang diberikan oleh atlet tersebut amatlah berharga buat negara Malaysia.

Antara atlet kebanggaan negara yang kini sedang menyambung pengajian di peringkat universiti masing-masing.

KEPENTINGAN KELAYAKAN AKADEMIK BAGI ATLET

Melalui usaha *Malaysian Athlete Career and Education (MACE)*, Majlis Sukan Negara (MSN) dan Kementerian Belia & Sukan (KBS) sentiasa mempergiatkan usaha dalam membantu atlet berprestasi tinggi dalam memastikan pendidikan mereka terbela. Pelbagai bantuan diberikan kepada atlet seperti contoh:

- 1) Syarat kemasukkan yang minimum ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT).
- 2) Tempoh pengajian yang fleksibel selaras dengan program latihan seperti contoh di Fakulti Sains Sukan & Rekreasi, UiTM mempunyai pilihan trek atlet sepenuh masa di mana

pelan pengajian disusun dengan lebih teratur dan mengikut jadual atlet berkenaan.

- 3) Biasiswa penuh disediakan seperti biasiswa YB Menteri Pengajian Tinggi yang menawarkan penajaan pendidikan buat para atlet daripada peringkat diploma sehingga ke pascasiswazah.
- 4) Program Pra universiti (seperti STPM) di Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) dan Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI)
- 5) Tambahan insetif kemenangan daripada yang sedia ada daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Sumber: Majlis Sukan Negara (2020)

Jelas, jika kita lihat melalui usaha kerajaan, badan sukan dan institusi pengajian tinggi ini telah membuka peluang kepada para atlet untuk meneruskan pengajian masing-masing. Trend ini semakin jelas apabila dilihat lebih ramai atlet membuka mata mengenai kepentingan dan keperluan atlet untuk terus menyambung pengajian sehingga ke menara gading. Dalam masa yang sama, bidang pengajian juga tidak terhad hanya dalam bidang sains sukan sahaja dimana atlet turut berpeluang untuk memilih program yang diminati masing-masing. Misalnya, Dhabitah Sabri yang

merupakan atlet terjun negara kini sedang menyambung pengajian di peringkat Sarjana Muda Komunikasi Media di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor.

Dalam masa yang sama, selain pilihan pengajian di peringkat diploma ataupun pra universiti, para atlet turut mempunyai pilihan bagi menduduki Sijil *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL) yang mengambil kira pengalaman terdahulu seseorang individu serta melayakkan atlet tersebut untuk terus menyambung pengajian sarjana muda apabila lulus peperiksaan sijil berkenaan (Bernama, 2021).

KEJOHANAN UNIVERSITI TERUS BANTU MELONJAKKAN NAMA ATLET

Selain daripada itu, di peringkat universiti terdapat pelbagai kejohanan yang membantu para atlet yang tidak terpih ke skuad kebangsaan untuk terus bergiat aktif antaranya sukan yang dianjurkan saban tahun seperti Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT), Sukan Majlis Universiti Awam Malaysia (MASUM) dan Sukan Universiti Dunia yang akan berlangsung di Chengu, China menjelang musim panas akan datang pada 28 Julai – 8 Ogos 2022.

Tambahan kepada itu, melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) juga telah menyalurkan dana kepada pusat sukan universiti dalam membangunkan mutu sukan IPT seperti:

- 1) Futsal: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- 2) Silat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- 3) Sofbol: Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS, Jitra, Kedah)
- 4) Ping Pong dan Berbasikal : Universiti Teknikal Malaysia (UTEM)
- 5) Skuasy: Universiti Malaya (UM)
- 6) Olahraga: Universiti Putra Malaysia (UPM)
- 7) Sepak Takraw: Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Oleh yang demikian, walaupun kerjaya atlet merupakan satu bidang kerjaya yang mampu menjanjikan pulangan yang lumayan menerusi elaun, tajaan, insetif kemenangan sehingga jutaan ringgit dan berbagai lagi, namun atlet itu sendiri juga perlu cakna dalam memikirkan mengenai masa hadapan. Ini adalah para atlet perlu sentiasa turut memikirkan faktor mengukuhkan kewangan bagi jangka masa panjang di mana setiap atlet perlu bijak dalam

pengurusan kewangan sebagai persediaan sebelum bersara.

Dalam hal ini, segala wang yang diterima oleh atlet boleh dibahagikan kepada tiga tabung iaitu simpanan tetap, pembelanjaan dan kecemasan. Di samping itu, atlet boleh mempelajari dengan menyimpan wang mereka di dalam bentuk simpanan seperti amanah saham tertentu yang sah disisi undang-undang seperti Amanah Saham Bumiputera yang turut menjanjikan dividen tahunan. Akhir kata, kehidupan atlet yang berjaya ini sememangnya satu peluang emas yang tidak boleh disia-siakan. Namun, para atlet perlu bijak mengatur langkah seperti di dalam perlawanan khusus dalam pengurusan kewangan agar kehidupan atlet berkenaan tidak akan menjadi seperti telur di hujung tanduk pada kemudian hari.


RUJUKAN

- Bernama. (2021). *Nur Dhabitah fokus seimbang pelajaran, kerjaya* | Astro Awani. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-sukan/nur-dhabitah-fokus-seimbang-pelajaran-kerjaya-323948>
- Bernama. (2022). *Azizulhasni terima tawaran Anugerah Biasiswa Tuanku Canselor dari UMT* | Astro Awani. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-sukan/azizulhasni-terima-tawaran-anugerah-biasiswa-tuanku-canselor-dari-umt-316244>
- Firdaus Hashim. (2021). *Dhabitah sambung belajar di UKM*. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/arena/lain/2021/10/762130/dhabitah-sambung-belajar-di-ukm>
- MSN. (2020). *MACE – Majlis Sukan Negara*. <https://www.nsc.gov.my/en/mace/>
- Samadi Samad. (2022). *Aniq dapat laluan khas pengajian ke peringkat ijazah*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/985293/aniq-dapat-laluan-khas-pengajian-ke-peringkat-ijazah>
- Torregrosa, M., Ramis, Y., Pallarés, S., Azócar, F., & Selva, C. (2015). Olympic athletes back to retirement: A qualitative longitudinal study. *Psychology of Sport and Exercise*, 21, 50–56. <https://doi.org/10.1016/j.psychsport.2015.03.003>



Dhabitah Sabri (Atlet Terjun) - UKM

Sumber gambar: Firdaus Hashim, 2021



Aniq Kasdan (Atlet angkat berat) – UiTM

Sumber gambar: Samadi Samad, 2022



Dato' Muhammad Azizulhasni Awang (Atlet basikal) - Universiti Deakin, Australia

Sumber gambar: Bernama, 2022